

24 FEB 1997

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH RAJA PERLIS 15 MAC

KANGAR, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima Anugerah Cemerlang DiRaja (Tuanku Raja Perlis) daripada Raja Perlis di sini pada 15 Mac ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata anugerah itu dikurniakan pada 5 Dis lepas sempena ulang tahun peringatan Jubli Emas Pemerintahan Raja Perlis.

Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis (YTSP) memilih Dr Mahathir sebagai penerima pertama anugerah itu sebagai menghargai jasa dan perkhidmatan cemerlang beliau kepada rakyat dan negara, katanya.

Shahidan Kassim selaku Timbalan Pengerusi yayasan berkenaan berkata penganugerahan tersebut merupakan penghargaan yang tertinggi bukan saja daripada YTSP dan Raja Perlis tetapi adalah daripada seluruh lapisan rakyat negeri Perlis.

Anugerah tersebut yang mengandungi bintang Anugerah Cemerlang DiRaja dan wang RM100,000 diberikan kepada seorang saja penerima lima tahun sekali.

Shahidan juga berkata dalam lawatan seharusnya ke Perlis itu, Dr Mahathir dijangka melawat ke beberapa tempat untuk meninjau projek-projek pembangunan termasuk melakukan upacara pecah tanah projek pembinaan pelabuhan baru berharga 20RM750 juta di Kuala Perlis. -- Bernama

IQ MAI